

JOURNAL OF COMMUNICATION, LANGUAGE AND CULTURE

Eksplorasi Bahasa Cinta Digital dalam Kalangan Generasi Z (Exploring Digital Love Language among Generation Z)

Miharaini Md Ghani^{1*}, Siti Ramizah Khairunnisa Mohd Radzi²

¹School of Communication, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia

²Abdulhamid Abusulayman Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: miharaini@usm.my; ORCID iD: 0000-0002-3330-7805

ABSTRACT

The evolution of digital technology has redefined interpersonal communication, transforming digital platforms from information-search tools into integral spaces for initiating, nurturing, and sustaining romantic connections. This paradigm has resulted in the creation of the digital love language, which is the expression of love using digital symbols such as emojis, stickers, GIFs, and voice notes. Though relationships offer unique intimate spaces outside geographical boundaries, they also come with vulnerabilities such as semantic misinterpretations and emotional inauthenticity. Thus, this study explores the factors that contribute to the adoption of digital love language among Generation Z in their romantic interactions. The concept of love languages encompasses five primary modes of expressing and experiencing love, including words of affirmation, quality time, receiving gifts, acts of service, and physical touch. The traditional approaches have evolved to the Internet world, in which quality time is spent over video chats, acts of service are delivered via digital applications, and presents are symbolised by icons. The study uses three theories of communication to analyse digital love languages in romantic relationships in Generation Z. Based on Social Presence Theory, a lesser social presence in digital communication initially leads to a lower psychological barrier, which in turn promotes faster intimacy. Second, the Hyperpersonal model describes whether text-based media intentionally manipulate their self-presentation and create idealistic impressions. Finally, the Uses and Gratifications theory says that people select various channels to fulfil certain needs, like affection and approval. Using a qualitative exploratory research design, nine respondents (five females and four males) aged 20 to 35 years from diverse professional and educational backgrounds in Malaysia were identified through purposive sampling. The sample was chosen because they are heavily dependent on digital gadgets and actively experience forming online romantic relationships. Data were acquired via semi-structured interviews conducted over Zoom and Google Meet, each lasting 30 to 45 minutes. Strict ethical guidelines were followed with informed consent, and participant names were anonymized with codes R1 to R9. The theme analysis identified five major characteristics that influence the adoption of digital love language. Firstly, digital media provide unique ways of expressing emotions. Emojis, stickers, and voice notes serve as emotional padding, avoiding the awkwardness of physical interactions. Second, participants felt safer and less shy in the online environment because text messaging reduces the psychological nervousness of immediate rejection. Third, digital connectivity involves chemistry. Synchronized emojis and matching typing patterns will establish a personalized language that strengthens mutual understanding. Fourth, frequent messaging provides a sense of continuous interaction that fosters a constant feeling of presence over physical distance. Finally, visual and creative symbols are modern representations of attachment; sharing selected playlists, short reels, and customized filters is a major

emotional investment. In a nutshell, the phenomenon of digital love language is a major communication change that signifies Generation Z's deliberate use of technological means to fit their requirements of closeness and connection. But digital oversharing has its own problems, such as semantic ambiguity and emotional dependency, which may outweigh the benefits. Overall, the study connects qualitative findings with communication theories and indicates that technology is a psychological and social medium that changes relationship dynamics. Based on the findings gathered through textual analysis, future studies should adopt mixed-methods or longitudinal approaches to assess the long-term effects of digital love languages on relationship stability. Moreover, to advance academic knowledge of interpersonal communication in an increasingly digitalised world, it is also vital to investigate the specific psychological, sociological, and platform-specific elements that regulate digital intimacy.

Keywords: love language, digital romance, Social Presence Theory, Uses and Gratifications Theory, Hyperpersonal Model

Received: 11 December 2025, **Accepted:** 13 May 2026, **Published:** 30 July 2026

ABSTRAK

Fenomena bahasa cinta digital semakin menonjol dalam landskap komunikasi moden, khususnya apabila wujud kecenderungan individu untuk membina hubungan romantik melalui interaksi dalam talian. Walaupun medium digital menyediakan ruang intim yang unik, interaksi yang berlaku di sebalik skrin sering kali berisiko disalahtafsir dan menimbulkan persoalan tentang kejujuran emosi. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang mendorong penggunaan bahasa cinta digital dalam kalangan Generasi Z. Pendekatan kualitatif digunakan melalui temu bual separa berstruktur bersama sembilan orang responden berusia 20 hingga 35 tahun yang datang daripada latar belakang berbeza. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti corak komunikasi yang dominan. Hasil kajian memperlihatkan lima tema utama sebagai faktor pilihan penggunaan bahasa cinta digital, iaitu ekspresi emosi yang mudah, rasa selamat, keserasian digital, hubungan intensif berterusan, serta kreativiti visual. Perbincangan kajian turut mengaitkan dapatan ini dengan teori komunikasi seperti Teori Kehadiran Sosial, Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak dan Model *Hyperpersonal* yang menjelaskan tentang bahasa cinta digital mempengaruhi corak, faktor, dan kesan terhadap hubungan romantik. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang dimensi komunikasi cinta dalam era digital serta implikasinya terhadap perkembangan hubungan interpersonal Generasi Z.

Keywords: bahasa cinta, cinta digital, Teori Kehadiran Sosial, Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak, Model *Hyperpersonal*

1.0 Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah mengubah landskap komunikasi secara menyeluruh. Teknologi bukan sahaja digunakan untuk mencari maklumat atau berhibur, malahan juga membina dan mengekalkan hubungan dengan rakan digital secara interpersonal mahupun romantik. Situasi ini mewujudkan konsep bahasa cinta digital iaitu komunikasi dengan menggunakan simbol digital seperti teks, video, emoji, *sticker*, GIF, meme, atau *voice note*, untuk mengekspresikan rasa kasih sayang. Kesannya, individu dan pasangan akan berasa lebih rapat walaupun tidak pernah bertemu secara fizikal.

Tidak dinafikan bahawa sifat bahasa cinta digital adalah pantas, ringkas, kreatif, serta mampu merentas batas fizikal dan geografi. Walaupun konteksnya seringkali dianggap sesuai sebagai bahasa dalam hubungan romantik namun konsep ini boleh diperluas dalam konteks kekeluargaan, persahabatan dan juga pendidikan. Simbol-simbol bahasa cinta digital tidak hanya berfungsi sebagai kaedah untuk mengekspresikan emosi cinta tetapi berupaya menjadi semantik dan simbolisme dalam perhubungan moden.

Misalnya, komunikasi emoji berbentuk hati ❤️, ucapan “ILY” (*I love you*), atau *seen* dalam aplikasi pesanan segera boleh membawa makna hubungan yang romantik atau boleh juga berlaku sebagai kaedah komunikasi kekeluargaan. Walaupun wujud halangan seperti ketiadaan isyarat bukan lisan dan

keterasingan emosi (*emotional isolation*), kaedah komunikasi ini berpotensi membina hubungan interpersonal yang lebih baik. Berpandukan Model *Hyperpersonal* (Walther, 1996), komunikasi dalam talian akan mempercepatkan keintiman emosi kerana individu dapat mengawal identiti, memilih kata-kata, serta menampilkan diri dengan cara yang mereka ingini.

Dalam konteks masyarakat moden khususnya generasi muda, kebergantungan terhadap teknologi sebagai medium komunikasi semakin ketara apabila individu menjadikan aplikasi pemesejan, media sosial dan peranti mudah alih sebagai saluran utama untuk mengekalkan hubungan interpersonal dan romantik (Valentine, 2006). Aplikasi seperti WhatsApp, Telegram, Instagram, TikTok, dan Facebook Messenger menjadi medium dalam interaksi harian. Generasi ini membesar dengan simbol digital seperti emoji dan GIF yang bukan sahaja melambangkan ekspresi, tetapi mencipta bahasa baharu yang difahami bersama.

Jadual 1

Makna Emoji Popular dalam Komunikasi Digital

Emoji	Nama Emoji	Makna
😊	Wajah tersenyum	Kebahagiaan, keramahan, dan niat baik.
😞	Wajah sedih	Kesedihan, empati, atau kekecewaan.
😡	Wajah marah	Kemarahan, ketidakpuasan hati.
❤️	Hati merah	Simbol cinta, kasih sayang, sokongan emosi.
🙏	Tangan berdoa	Menyatakan harapan, doa, atau rasa syukur.
😂	Wajah gembira dengan air mata	Ketawa yang melampau atau jenaka yang sangat lucu.
👍	Ibu jari ke atas / <i>Thumbs up</i>	Persetujuan, sokongan, atau pujian.
🔥	Api	Menunjukkan sesuatu yang hebat, menarik, atau "panas" secara metafora.

(Sumber: Ramdani et al., (2025). *Emoji Sebagai Strategi Komunikasi Sosial: Analisis Sociolinguistik terhadap Teks Digital*)

Namun begitu, fenomena bahasa cinta digital mempunyai sisi cabaran yang tersendiri. Cabaran yang pertama adalah salah tafsir terhadap simbol atau mesej pada emoji boleh membawa konflik dalam perhubungan. Contohnya, emoji “👍” adalah tanda persetujuan tetapi boleh disalah tafsir sebagai tanda dingin oleh pihak yang lain (Faizal et al., 2022). Selain daripada emoji, bahasa cinta digital mewujudkan risiko cinta atas angin (*superficial*) iaitu komunikasi atas talian hanyalah berasaskan intensiti mesej berbanding kejujuran emosi.

Seterusnya, komunikasi dengan menggunakan bahasa cinta digital akan menjurus pada isu apabila mesej atau gambar peribadi berpotensi untuk tersebar atau disalahguna. Walau bagaimanapun, di sebalik cabaran-cabaran yang dapat dikesan disebabkan oleh bahasa cinta digital, masih ada individu yang mudah jatuh cinta dalam ruangan digital berbanding realiti. Sehubungan dengan itu, penyelidik akan datang disarankan untuk meneliti faktor-faktor psikologi, sosial dan teknologi dengan lebih mendalam yang bertujuan mendorong individu membentuk keintiman dalam ruang digital, khususnya melalui penggunaan bahasa cinta digital.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Bahasa Cinta : Dari Tradisional ke Digital

Teori bahasa cinta telah diperkenalkan oleh Chapman (2009) melalui lima bentuk utama iaitu kata-kata pujian, masa berkualiti, hadiah, perkhidmatan, dan sentuhan fizikal. Walaupun teori ini dibina dalam konteks hubungan bersemuka, perkembangan teknologi telah memindahkan bentuk-bentuk bahasa cinta ke ruangan digital. Sebagai contoh, kata-kata pujian kini disampaikan melalui mesej teks, masa berkualiti diwujudkan melalui panggilan video, hadiah berbentuk digital seperti *gift icon* di TikTok, manakala perkhidmatan terdiri daripada penghantaran makanan dalam talian.

Beberapa kajian terkini menunjukkan bahawa bahasa cinta mengalami perubahan apabila teknologi mempengaruhi komunikasi individu dengan pasangan. Misalnya, hasil kajian oleh Liu (2023) menekankan penggunaan emoji, *sticker*, dan GIF bukan sahaja sebagai alat ekspresi tetapi juga ritual komunikasi dalam hubungan romantik. Tambahan lagi, bahasa cinta juga digunakan oleh pasangan jarak jauh yang berkomunikasi secara digital bagi memelihara hubungan romantik antara mereka (Zahra and Rakhmad, 2022). Berlainan pula pada Generasi Z, mereka merasakan bahawa bahasa cinta dalam media sosial dapat memperkukuh rasa cinta, kepercayaan dan sokongan emosi namun mereka berasa sukar untuk menyusun masa yang berkualiti lebih-lebih lagi jika berhubung secara jarak jauh (Azzahra et al., 2024). Situasi ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa cinta digital untuk komunikasi adalah signifikan demi menjaga hubungan yang baik antara individu dan juga pasangan.

Kajian berkaitan faktor penggunaan bahasa cinta digital dalam kalangan Generasi Z masih sangat terhad walaupun fenomena ini semakin ketara dalam komunikasi digital. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penggunaan media sosial secara umum tanpa memberi fokus khusus kepada bahasa cinta digital sebagai bentuk komunikasi emosi dan keintiman. Selain itu, aplikasi teori hubungan interpersonal tradisional yang berasaskan interaksi bersemuka kurang sesuai untuk menjelaskan dinamika hubungan digital Generasi Z yang dipengaruhi oleh simbol, teks dan ciri platform digital. Dari sudut metodologi, kekurangan kajian kualitatif turut membataskan pemahaman terhadap makna dan motivasi sebenar penggunaan bahasa cinta digital. Oleh itu, wujud jurang kajian yang ketara dan keperluan untuk penyelidikan yang lebih kontekstual bagi memahami peranan bahasa cinta digital dalam hubungan Generasi Z.

2.2 Pendekatan Teori dalam Komunikasi Interpersonal Era Digital

Umumnya, komunikasi bersemuka dan media sosial adalah berbeza kerana faktor saluran yang membenarkan interaksi berlaku secara langsung dan tidak langsung antara kedua-dua belah pihak. Kajian awal oleh Fong and Sulaiman (2011) menunjukkan bahawa guru dan pelajar memilih untuk bersembang tentang suatu maklumat secara bersemuka kerana kaedah itu lebih pantas dan jelas berbanding secara atas talian. Pada mereka, penggunaan saluran seperti emel digunakan untuk berkomunikasi mengenai maklumat yang ringkas dan mudah.

Berlawanan pula dengan hasil kajian oleh Li et al., (2022), sifat media sosial sebagai saluran tertutup adalah lebih berpengaruh pada generasi muda yang kerap mempersembahkan sendiri secara dalam talian selain daripada berjaya membentuk kemahiran bersosial yang lebih baik. Kajian ini menyokong Teori Kehadiran Sosial (Short et al., 1976) yang menjelaskan bahawa tahap kehadiran sosial yang rendah dalam komunikasi digital dapat mengurangkan rasa malu sekaligus mempercepat proses keintiman semasa interaksi.

Selain itu, Model *Hyperpersonal* oleh Walther (1996) menjelaskan bahawa komunikasi berasaskan teks secara dalam talian berpotensi meningkatkan persepsi ideal antara individu dengan pasangan. Komunikasi awal dalam talian dengan menggunakan teks menghasilkan tarikan sosial yang lebih besar namun tarikan romantik antara individu dan pasangan menjadi semakin pudar selepas pertemuan bersemuka (Antheunis et al., 2020). Situasi ini menunjukkan bahawa komunikasi secara teks meninggalkan kesan hubungan yang signifikan berbanding komunikasi bersemuka.

Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (Katz, 1974) juga relevan untuk menjelaskan fenomena bahasa cinta digital. Teori ini menekankan keperluan pemilihan medium yang sesuai untuk memenuhi

keperluan emosi, sosial, dan psikologi. Dalam konteks cinta digital, individu menggunakan aplikasi mesej atau media sosial untuk mendapatkan perhatian, kasih sayang, sokongan emosi, dan pengesahan diri. Contohnya, golongan remaja memilih komunikasi digital untuk membina keintiman sekaligus meningkatkan kepuasan dalam hubungan (Valkenburg and Peter, 2011).

3.0 Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian penerokaan. Pendekatan ini dipilih kerana objektif utama kajian adalah mendapatkan respons subjek mengenai pengalaman dan pandangan mereka tentang bahasa cinta digital dan bagaimana pengaplikasiannya akan mempengaruhi individu secara positif atau negatif. Reka bentuk kualitatif membolehkan penyelidik menggali makna subjektif dan interpretasi subjek terhadap fenomena yang dikaji seperti pengalaman hidup, emosi, perasaan dan juga tingkah laku (Strauss and Corbin, 1998).

3.2 Sampel Kajian

Dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, seramai sembilan orang subjek telah dipilih untuk temu bual. Proses pemilihan subjek kajian adalah berdasarkan kriteria tertentu bagi memastikan sampel yang dipilih adalah memenuhi objektif kajian ini. Antara kriteria yang perlu dipenuhi adalah seperti yang berikut:

- 1) Berusia antara 20 hingga 35 tahun kerana kebergantungan mereka pada Internet, peranti dan rangkaian sosial adalah tinggi (Andrew et al., 2020),
- 2) Mempunyai pengalaman menjalin hubungan romantik dalam media sosial.

Seramai lima orang perempuan dan empat orang lelaki daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan pendidikan yang berbeza telah dipilih sebagai sampel kajian. Kepelbagaian ini bertujuan memberi gambaran yang lebih luas tentang fenomena bahasa cinta digital dalam konteks belia di Malaysia.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*). Satu set soalan panduan disediakan, namun penyelidik turut memberi ruang pada setiap subjek untuk berkongsi pengalaman peribadi secara bebas. Temu bual dijalankan secara dalam talian menerusi *Zoom Meeting* atau *Google Meet*, bergantung pada kesesuaian masa subjek. Setiap temu bual berlangsung selama satu sesi dengan durasi antara 30 hingga 45 minit dan dirakam dengan kebenaran subjek.

Bagi menjawab objektif kajian, terdapat beberapa soalan protokol yang disediakan sebagai panduan semasa proses temubual tersebut. Antara soalan panduan termasuklah:

- 1) Bagaimana emoji, *sticker* atau simbol visual memainkan peranan dalam hubungan digital anda?
- 2) Apakah faktor-faktor yang membuatkan anda rasa lebih mudah untuk jatuh cinta secara digital?
- 3) Bagaimanakah anda mengekspresikan perasaan cinta melalui mesej digital?
- 4) Adakah anda merasakan hubungan yang terbentuk dalam saluran digital akan menjadi lebih intim berbanding bersemuka?

3.4 Prosedur Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya prinsip etika penyelidikan sosial bagi memastikan hak, keselamatan dan kesejahteraan responden terpelihara sepanjang proses kajian. Sebelum sesi temu bual dijalankan, setiap responden diberikan penerangan yang jelas berkaitan tujuan kajian, bentuk penyertaan, jenis data yang dikumpul, serta hak mereka untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Keizinan bermaklumat (*informed consent*) diperoleh secara sukarela, termasuk persetujuan khusus berkaitan rakaman audio temu bual.

Rakaman temu bual hanya dilakukan dengan kebenaran responden dan bertujuan semata-mata untuk memastikan ketepatan data dan keaslian maklumat yang dikongsi. Sekiranya responden tidak bersetuju untuk dirakam, temu bual tetap diteruskan dengan kaedah catatan lapangan (*field notes*). Semua rakaman audio disimpan dalam peranti digital yang dilindungi kata laluan serta disimpan di storan selamat milik penyelidik (contohnya komputer peribadi atau storan awan peribadi yang dilindungi). Data rakaman dan transkrip disimpan untuk tempoh maksimum lima (5) tahun selepas penerbitan kajian bagi tujuan semakan akademik dan pengesahan data, selaras dengan amalan penyelidikan sosial.

Bagi menjaga kerahsiaan, identiti responden dilindungi sepenuhnya dengan penggunaan kod pengenalan seperti R1 hingga R9 dalam semua transkrip dan laporan kajian. Tiada sebarang maklumat peribadi atau pengecam dikenalpasti didedahkan kepada pihak ketiga. Akses kepada data mentah adalah terhad kepada penyelidik sahaja. Selepas tempoh penyimpanan yang ditetapkan, semua data akan dimusnahkan secara selamat. Rakaman audio dan fail digital akan dipadam secara kekal (*permanent deletion*), manakala sebarang dokumen bercetak akan dilupuskan melalui kaedah pelupusan selamat. Langkah ini bertujuan memastikan tiada data peribadi responden disimpan melebihi keperluan penyelidikan.

Data temu bual yang dikumpul ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis melibatkan pembacaan berulang terhadap transkrip, pengkodan awal, pengelompokan kod kepada tema, serta pembentukan tema utama yang mencerminkan corak pengalaman dan makna yang dikongsi oleh responden (Mey, 2022). Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap bahasa cinta digital dalam konteks komunikasi interpersonal.

Pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana kesesuaiannya dalam meneroka pengalaman subjektif, emosi dan tafsiran responden. Pemilihan sampel kajian dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan responden mempunyai pengalaman relevan dalam komunikasi romantik digital, seterusnya menyokong pencapaian objektif kajian ini.

3.5 Analisis Data

Selepas temubual selesai, data yang dikumpul telah ditranskripsi secara verbatim dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun and Clarke (2006). Pendekatan ini dipilih kerana ia fleksibel, sesuai untuk data kualitatif, dan mampu menonjolkan naratif serta pengalaman subjektif responden. Proses analisis melibatkan enam langkah utama:

- 1) Pembiasaan data - membaca berulang kali transkrip temu bual.
- 2) Penjanaan kod awal - mengenal pasti frasa atau ayat penting.
- 3) Pencarian tema - mengumpulkan kod kepada tema yang lebih luas.
- 4) Semakan tema - menilai kesesuaian dan kekonsistenan tema.
- 5) Pendefinisian tema - memperincikan makna setiap tema.
- 6) Pelaporan - membentangkan tema dengan sokongan petikan responden.

4.0 Dapatan Kajian

Hasil temu bual dengan sembilan orang subjek menunjukkan bahawa bahasa cinta digital berperanan besar dalam hubungan cinta digital. Analisis tematik menghasilkan lima tema utama:

Tema 1: Ekspresi emosi lebih mudah

Subjek mendapati bahawa penggunaan emoji, *sticker*, dan *voice note* menjadikan luahan emosi lebih mudah berbanding komunikasi bersemuka. Bahasa cinta digital membolehkan individu mengelak rasa canggung atau malu ketika meluahkan perasaan.

“Saya lebih berani hantar emoji hati 🧡 daripada cakap terus depan-depan.” (R3)

“Selalu juga kami berbalas emoji kalau sembang.. Sebab cepat. Satu ikon je, boleh bagi makna sayang, suka, gelak sampai nangis.. Kalau saya nak marah, hantar je emoji marah. Tak payah tulis panjang-panjang. Jimat masa dan tenaga nak marah. Ha ha ha.” (R6)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan emoji, pelekat (*sticker*) dan nota suara berfungsi sebagai medium alternatif yang memudahkan luahan emosi berbanding komunikasi bersemuka. Medium ini membolehkan subjek mengekspresikan perasaan cinta, gembira atau marah tanpa perlu berdepan secara langsung dengan reaksi pasangan, sekali gus mengurangkan tekanan emosi dan rasa canggung.

Seperti yang dinyatakan oleh R3, “Saya lebih berani hantar emoji hati ❤️ daripada cakap terus depan-depan,” penggunaan simbol visual berfungsi sebagai pelindung emosi (*emotional buffer*) yang mengurangkan risiko penolakan secara langsung. Emoji bukan sekadar ikon, tetapi membawa makna afektif yang ringkas namun signifikan. Hal ini turut disokong oleh R6 yang melihat emoji sebagai alat komunikasi emosi yang cekap dan menjimatkan tenaga emosi, khususnya ketika menyampaikan kemarahan atau reaksi spontan.

Dari sudut teori, dapatan ini selari dengan pandangan bahawa komunikasi bukan verbal dalam persekitaran digital (seperti emoji dan ikon) bertindak sebagai pengganti isyarat muka dan intonasi suara dalam komunikasi bersemuka. Emoji membolehkan individu mengekalkan keintiman emosi walaupun dalam bentuk komunikasi yang ringkas dan pantas. Oleh itu, bahasa cinta digital bukan sekadar memudahkan komunikasi, malah membentuk cara baharu individu mengurus emosi dan konflik secara lebih terkawal.

Tema 2: Rasa selamat dan kurang malu

Sebahagian subjek menyatakan bahawa interaksi melalui mesej menjadi ruang selamat untuk menyatakan cinta tanpa takut ditolak secara terbuka. Medium digital menurunkan halangan psikologi seperti rasa segan.

“Kalau mesej, kalau dia tak balas pun tak malu sangat, tak sama macam kena tolak depan orang.” (R2)

“Nak cakap depan-depan rasa macam tak terluah. Kalau tulis, ada masa sikit nak fikir ayat sesuai.” (R4)

“Kita ikut *trend* lah. Sekarang ni semua dah *digitalize*.” (R8)

Tema kedua merujuk kepada persepsi medium digital sebagai ruang yang lebih selamat untuk meluahkan perasaan cinta. Subjek mendapati bahawa komunikasi melalui mesej teks mengurangkan halangan psikologi seperti rasa malu, segan dan takut ditolak secara terbuka.

Petikan R2, “Kalau mesej, kalau dia tak balas pun tak malu sangat,” menunjukkan bahawa ketiadaan reaksi serta-merta dalam komunikasi digital memberi ruang perlindungan emosi kepada individu. Penolakan yang berlaku secara senyap (contohnya tidak dibalas) dianggap kurang memalukan berbanding penolakan secara bersemuka. Begitu juga dengan R4 yang menyatakan bahawa mesej bertulis memberi masa untuk berfikir dan menyusun ayat dengan lebih berhati-hati.

Dapatan ini mencerminkan bagaimana digitalisasi komunikasi telah mengubah norma interaksi romantik, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kenyataan R8, “Sekarang ni semua dah *digitalize*,” menggambarkan bahawa bahasa cinta digital bukan lagi pilihan, tetapi telah menjadi norma sosial. Medium digital bukan sahaja mengurangkan risiko emosi, malah meningkatkan keyakinan diri dalam menyatakan perasaan.

Tema 3: Keserasian digital sebagai petunjuk chemistry

Bahasa cinta digital turut membentuk keserasian melalui gaya komunikasi yang sama, contohnya penggunaan emoji tertentu, singkatan bahasa, atau cara menaip. Keserasian ini sering dianggap sebagai tanda *chemistry*.

“Saya rasa serasi bila dia pun suka guna emoji sama dengan saya.” (R1)

“Kadang-kadang tak pakai emoji pun, lawan-lawan *sticker*. Lepas tu gelak sama-sama.” (R7)

Kajian ini turut mendapati bahawa keserasian dalam hubungan romantik dinilai melalui gaya komunikasi digital yang selari. Keserasian ini merangkumi penggunaan emoji yang sama, gaya bahasa, singkatan, serta cara berinteraksi melalui mesej atau pelekat visual.

R1 menyatakan, “Saya rasa serasi bila dia pun suka guna emoji sama dengan saya,” yang menunjukkan bahawa persamaan simbol komunikasi ditafsirkan sebagai tanda kefahaman emosi. Sementara itu, R7 menekankan elemen interaksi bermain-main melalui *sticker* sebagai bentuk keseronokan bersama yang mengeratkan hubungan.

Keserasian digital ini berfungsi sebagai bentuk “bahasa peribadi” antara pasangan, di mana makna simbol dan reaksi hanya difahami dalam konteks hubungan tersebut. Dari perspektif komunikasi interpersonal, persamaan gaya komunikasi sering dikaitkan dengan peningkatan keakraban dan rasa kebersamaan. Oleh itu, *chemistry* dalam hubungan bukan lagi terhad kepada interaksi fizikal, tetapi turut dibina melalui keserasian digital yang berulang dan konsisten.

Tema 4: Hubungan intensif dan perhatian berterusan

Penghantaran mesej yang kerap tanpa mengira masa memberikan gambaran bahawa pasangan sentiasa mengambil berat. Intensiti komunikasi digital menimbulkan rasa dihargai dan mempercepatkan keterikatan emosi.

“Walaupun jauh, rasa macam dekat sebab hari-hari WhatsApp, pagi sampai malam.” (R5)

“Susah nak *set* masa jumpa sebab kami sibuk bekerja. *Weekend* pun kadang-kadang kerja. Jadi bila ada *free time* malam atau lepas *office hour*, kami *video call* saja. Saya OK dengan komitmen yang macam tu.” (R9)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekerapan komunikasi digital mencipta persepsi perhatian dan komitmen yang tinggi. Penghantaran mesej secara berterusan, tanpa mengira jarak dan masa, membentuk rasa kehadiran emosi yang konsisten.

R5 menyatakan bahawa komunikasi harian melalui *WhatsApp* menjadikan hubungan jarak jauh terasa dekat. Sementara itu, R9 menggambarkan bagaimana panggilan video menggantikan pertemuan fizikal akibat kekangan masa dan komitmen kerja. Walaupun interaksi bersemuka terhad, subjek masih menilai hubungan tersebut sebagai memadai dan bermakna.

Fenomena ini menunjukkan bahawa intensiti komunikasi digital boleh mempercepatkan keterikatan emosi (*emotional bonding*). Namun, pada masa yang sama, ia berpotensi mewujudkan jangkaan perhatian berterusan yang boleh memberi tekanan emosi jika tidak dipenuhi. Oleh itu, bahasa cinta digital bukan sahaja membina keintiman, tetapi turut membentuk norma baharu dalam menilai komitmen hubungan.

Tema 5: Visual dan Kreativiti sebagai Simbol Cinta

Subjek turut menekankan peranan media visual seperti gambar, video pendek, lagu, atau *playlist* sebagai medium romantik. Kreativiti ini dianggap sebagai tanda usaha dan perhatian, seterusnya meningkatkan perasaan cinta.

“Dia selalu hantar lagu dan buat *playlist Spotify* khas untuk saya. Itu buat saya rasa dihargai.” (R8)

“Ini kelak. Dia selalu *share voice note*, suara tak sedap pun tapi lawak sebab dia sungguh-sungguh nak dapatkan perhatian saya dengar suara dia.” (R3)

“Kadang-kadang saya *share link Youtube* atau *Facebook* atau apa-apa *content best* untuk dia, kadang-kadang dia *share GIF* kucing, dia kata saya comel. *Happy* sangat.” (R4)

“Banyak. Ada lagu, ada video, ada short *Reels*. Pernah juga dia *edit filter* dalam Tiktok tu dan *share filter* tu kat saya.” (R1).

Tema terakhir menekankan peranan elemen visual dan kreatif seperti lagu, *playlist*, video pendek, GIF dan suntingan kandungan sebagai simbol cinta moden. Subjek menilai usaha kreatif ini sebagai tanda perhatian dan keikhlasan emosi.

R8 merasakan *playlist* khas sebagai simbol penghargaan, manakala R3 dan R4 menekankan unsur kelakar dan spontan dalam *voice note*, GIF dan kandungan media sosial yang dikongsi. R1 pula menyatakan bahawa penyesuaian kandungan seperti penggunaan penapis TikTok mencerminkan usaha emosi pasangan.

Dari sudut komunikasi simbolik, tindakan kreatif ini membawa makna yang melangkaui kandungan itu sendiri. Ia mencerminkan pelaburan emosi, masa dan perhatian, yang menjadi indikator penting dalam hubungan romantik digital. Media visual berfungsi sebagai artefak emosi yang memperkukuh rasa dihargai dan disayangi.

Rajah 1

Bahasa Cinta Digital dalam Media Sosial



Rajah ini menerangkan bagaimana bahasa cinta digital berperanan sebagai medium utama dalam proses jatuh cinta, khususnya dalam konteks komunikasi berperantara teknologi. Bahasa cinta digital merangkumi penggunaan simbol, visual dan interaksi berterusan yang membolehkan individu membina keintiman tanpa kehadiran fizikal.

Pertama, ekspresi emosi menjadi lebih mudah melalui penggunaan *emoji*, pelekat (*sticker*) dan nota suara. Elemen ini membantu menyampaikan perasaan kasih sayang dengan lebih spontan dan lembut berbanding komunikasi bersemuka, terutamanya bagi individu yang sukar meluahkan emosi secara langsung. Kedua, visual dan kreativiti berfungsi sebagai simbol cinta, seperti perkongsian gambar, video pendek dan lagu. Kandungan visual ini menjadi lambang perhatian dan ingatan emosi, sekali gus mengukuhkan keterikatan perasaan antara individu.

Ketiga, rasa selamat dan kurang malu wujud dalam ruang digital yang dianggap sebagai zon selesa. Komunikasi tanpa tatapan fizikal mengurangkan rasa segan dan tekanan sosial, membolehkan individu lebih terbuka dan jujur dalam meluahkan perasaan. Keempat, keserasian digital terbentuk apabila

individu berkongsi gaya komunikasi yang sama, termasuk penggunaan emoji atau cara berinteraksi yang serasi. Keserasian ini mewujudkan rasa difahami dan diterima secara emosi.

Akhir sekali, hubungan menjadi lebih intensif melalui perhatian berterusan, seperti mesej yang kerap dan respons yang konsisten. Interaksi berulang ini mempercepatkan pembinaan keintiman dan menyumbang kepada perasaan jatuh cinta dalam ruang digital. Secara keseluruhan, rajah ini menunjukkan bahawa bahasa cinta digital bukan sekadar alat komunikasi, tetapi satu mekanisme penting dalam membentuk emosi, keintiman dan hubungan romantik dalam era digital.

5.0 Perbincangan

5.1 Bahasa cinta digital Generasi Z

Bahasa cinta digital menjadi simbol komunikasi dari pelbagai lapisan umur dan latar belakang. Golongan belia terutamanya Generasi Z telah memanfaatkan penggunaan saluran digital untuk berkomunikasi yang melangkaui saluran bersemuka, dengan menjadikan saluran ini sebagai ruangan komunikasi intim. Analisis penerokaan terhadap penggunaan bahasa cinta digital telah mengenalpasti lima tema utama iaitu ekspresi emosi mudah, rasa selamat, keserasian digital, hubungan intensif, dan kreativiti visual.

Penggunaan emoji, *sticker* dan *voice note* sebagai medium ekspresi emosi telah menjadi norma dalam komunikasi digital. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian lepas yang membuktikan bahawa Generasi Z di Malaysia menggunakan emoji dan simbol visual sebagai pengganti ekspresi verbal bagi mempercepatkan pemahaman emosi dan mengurangkan konfrontasi (Faizal et al., 2022). Bukan itu sahaja, penggunaan emoji juga menjadi penanda emosi yang menggantikan nada suara dan ekspresi muka individu dan pasangan dalam saluran digital.

Seterusnya, saluran digital menjadi ruang selamat untuk mengekspresikan emosi, terutamanya bagi individu yang pemalu atau kurang bersosial. Hal ini kerana, individu boleh mengawal masa, ayat dan reaksi apabila berkomunikasi dengan menggunakan teknologi (Walther, 1996). Selain daripada penggunaan emoji, kajian oleh Faizal et al., (2022) turut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa campuran dan singkatan oleh Generasi Z dalam media sosial adalah strategi untuk mengurangkan tekanan sosial dan menyesuaikan diri dengan norma digital semasa.

Selain itu, di platform media sosial, ciri seperti butang “Like” dan reaksi digunakan sebagai cara ringkas untuk menzahirkan kasih sayang serta mengurus hubungan interpersonal. Ragam bahasa dalam saluran digital mencerminkan identiti sosial dan hubungan antara individu, di mana pengguna memilih gaya komunikasi tersendiri untuk menampilkan unsur romantik. Tahap kehadiran sosial yang rendah dalam saluran digital juga membolehkan individu mengekspresikan sokongan, persetujuan, dan keakraban emosi dengan lebih bebas tanpa tekanan, tanpa memerlukan teks yang panjang (Feng, 2025). Keserasian yang dibentuk akan meningkatkan rasa kebersamaan sekaligus mempercepatkan pembentukan hubungan romantik Generasi Z dalam saluran digital.

Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (Katz, 1974) menjelaskan bahawa individu menggunakan medium komunikasi untuk memenuhi keperluan psikologi seperti kasih sayang, perhatian, dan sokongan. Analisis pengalaman menunjukkan bahawa pasangan yang konsisten berkomunikasi walaupun secara jarak jauh akan tetap memberikan kepuasan dalam perhubungan. Perhatian yang berterusan menjadikan keperluan emosi individu berjaya dipenuhi sekaligus membolehkan individu jatuh cinta dengan pasangan.

Bahasa cinta digital turut menjadikan individu lebih kreatif dengan pasangan. Simbol visual dalam komunikasi digital meningkatkan persepsi keintiman dan komitmen (Simanjanor and Aulia, 2026). Dalam konteks ini, bahasa cinta digital bukan sekadar menggunakan teks tetapi gabungan multi-modality (teks, audio, visual) yang memperkukuh hubungan emosi. Kandungan multi-modality berfungsi sebagai kaedah mengekspresikan identiti secara kreatif kerana individu memilih cara tersendiri untuk membina hubungan yang intim dan mendalam menerusi perkongsian visual.

5.2 Cabaran dan Risiko

Bahasa cinta yang disampaikan melalui emoji, singkatan, dan simbol turut membawa cabaran komunikasi yang tersendiri. Kekaburan makna dan salah tafsir menjadi isu utama apabila mesej seperti  atau  ditafsirkan secara berbeza mengikut latar budaya, pengalaman, dan emosi penerima. Apabila Generasi Z kerap menggunakan simbol visual secara tidak konsisten, salah faham dalam hubungan romantik akan berlaku (Faizal et al., 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa keintiman yang ingin dibina boleh tergugat hanya kerana perbezaan tafsiran terhadap simbol digital.

Selain itu, wujud juga kecenderungan terhadap ketagihan emosi dan kebergantungan digital. Sebilangan individu berasa sukar untuk menyeimbangkan hubungan secara digital dengan realiti (Boyd, 2014; Fox and Andereg, 2014). Kebergantungan yang tinggi pada saluran digital boleh mengundang tekanan psikologi lebih-lebih lagi jika mesej tidak dibalas secara konsisten oleh pasangan. Kesannya, hubungan romantik yang dibentuk dengan menggunakan bahasa cinta digital boleh berubah menjadi beban pada kedua-dua belah pihak.

Fenomena bahasa cinta digital juga membawa kesan negatif pada norma komunikasi. Misalnya, penggunaan bahasa bercampur antara Melayu dan Inggeris, singkatan tidak formal, serta kesalahan ejaan ketika mengekspresikan perasaan di media sosial akan merosakkan keindahan bahasa asal (Faizal et al., 2022). Selain itu, penggunaan bahasa yang bercampur secara berterusan berpotensi untuk merencatkan nilai kesopanan dan etika berbahasa yang berbeza konteks generasi dan generasi lain yang lebih terkini.

Bahasa cinta digital juga tidak terlepas daripada risiko privasi (Parsakia and Rostami, 2023). Perkongsian bahasa romantik secara terbuka di platform digital berpotensi untuk terdedah pada penilaian publik sekaligus dimanipulasi individu yang tidak bertanggungjawab. Dalam situasi masyarakat dunia yang semakin menormalisasi budaya “*oversharing*,” individu dan pasangan berisiko untuk terperangkap antara keinginan mempertontonkan kebahagiaan kepada umum dan menjaga ruang peribadi mereka. Akhir sekali, ketiadaan kerangka etika komunikasi cinta digital menjadikan isu ini lebih kompleks. Tanpa garis panduan jelas, individu mudah terdedah kepada manipulasi, gangguan emosi, atau terjerumus ke dalam hubungan yang toksik. Kesimpulannya, bahasa cinta digital bukan sahaja memudahkan individu untuk mengekspresikan perasaan menerusi simbol dan teks malahan juga membentuk dimensi baru dalam komunikasi romantik. Pengaplikasian teori komunikasi klasik masih lagi relevan, namun perlu diperluas dalam konteks digital dan budaya semasa.

6.0 Kesimpulan dan Cadangan Kajian Lanjutan

6.1 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bahasa cinta digital menjadi salah satu bentuk komunikasi intim yang mencerminkan cara Generasi Z menyesuaikan diri dengan teknologi dan budaya digital. Keintiman yang terhasil melalui saluran digital membuktikan bahawa teknologi bukan sekadar alat, tetapi juga medium psikologi dan sosial yang membentuk identiti, kreativiti, serta keserasian pasangan. Fenomena ini telah berjaya dibuktikan menerusi temubual dengan menyimpulkan lima faktor utama iaitu:

- 1) Ekspresi emosi yang mudah: Penggunaan emoji, *sticker*, dan *voice note* untuk mengungkapkan perasaan.
- 2) Rasa selamat dan kurang malu: Komunikasi digital dapat mengurangkan kebimbangan ditolak secara terbuka.
- 3) Keserasian digital: gaya komunikasi, pilihan emoji, dan cara menaip menjadi petunjuk keserasian.
- 4) Hubungan intensif: Mesej yang kerap akan mencipta rasa perhatian berterusan.
- 5) Kreativiti visual: Gambar, video, dan *playlist* dijadikan simbol kasih sayang.

Teori-teori komunikasi seperti Teori Kehadiran Sosial (Short et al., 1976), Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (Katz, 1974), dan Model *Hyperpersonal* (Walther, 1996) turut mengukuhkan pemahaman bahawa saluran digital memberi peluang kepada individu untuk meluahkan kasih sayang

dengan lebih fleksibel, berstrategi, dan bersifat personal. Justeru, bahasa cinta digital tidak boleh dilihat sekadar trend semasa, sebaliknya satu fenomena komunikasi yang membentuk kaedah baharu dalam hubungan interpersonal.

6.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan persoalan yang dikemukakan, kajian lanjutan disarankan untuk meneliti faktor-faktor utama yang mendorong pembentukan keintiman dalam media digital, khususnya dalam kalangan generasi muda. Faktor tersebut boleh merangkumi dimensi psikologi (seperti kesunyian, keperluan sokongan emosi dan pengesahan diri), teknologi (ciri platform, penggunaan visual dan algoritma interaksi), serta sosial (norma rakan sebaya dan budaya komunikasi digital). Pendekatan ini dapat membantu mengenal pasti sama ada keintiman digital terbentuk secara organik atau dipengaruhi oleh struktur dan reka bentuk media itu sendiri.

Selain itu, kajian masa hadapan juga wajar menilai secara empirikal peranan bahasa cinta digital dalam memperkukuh atau melemahkan hubungan yang terbentuk. Penyelidikan boleh memfokuskan kepada kesan jangka pendek dan jangka panjang penggunaan bahasa cinta digital terhadap kualiti hubungan, kepercayaan dan kestabilan emosi. Perbandingan antara hubungan yang banyak bergantung kepada komunikasi digital dengan hubungan yang menggabungkan interaksi bersemuka juga dicadangkan bagi memahami batasan dan potensi sebenar bahasa cinta digital.

Dari sudut metodologi, penggunaan reka bentuk kajian campuran (*mixed methods*) seperti soal selidik bersama temu bual mendalam atau kajian longitudinal dicadangkan bagi menangkap perubahan emosi dan dinamika hubungan dari semasa ke semasa. Pendekatan ini bukan sahaja menjawab persoalan yang dibangkitkan, malah memperkukuh sumbangan teori dan praktikal kajian dalam bidang komunikasi digital dan hubungan interpersonal.

6.3 Sumbangan Kajian

Kajian penerokaan bahasa cinta digital memberikan sumbangan ilmu untuk masyarakat dan juga teori. Secara praktikalnya, penjelasan pada makna dan fungsi bahasa cinta digital akan meningkatkan literasi digital sekali gus mengurangkan risiko salah tafsir, konflik, dan kebergantungan yang berlebihan pada pasangan digital. Masyarakat juga perlukan bimbingan dalam aspek etika serta pengurusan privasi, supaya perkongsian cinta di ruang maya tidak menjejaskan kesejahteraan individu dan pasangan.

Dari sudut akademik, kajian ini memperkayakan teori komunikasi interpersonal dalam konteks digital. Kajian ini menyediakan data fenomena dari konteks belia di Malaysia sekaligus membuka ruang interdisiplinari yang merentasi bidang komunikasi, psikologi, dan linguistik. Penemuan kajian ini juga menjadi asas kukuh untuk penyelidikan lanjutan, termasuk kajian lintas budaya, longitudinal, serta eksperimen psikologi komunikasi.

Secara reflektif, bahasa cinta digital dijangka terus berkembang seiring kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), realiti maya (VR), dan *metaverse*. Bentuk komunikasi masa depan mungkin melibatkan avatar peribadi, ruang maya intim, atau mesej emosi yang dihasilkan oleh sistem pintar, sekali gus memperkaya dimensi cinta digital.

Acknowledgement

The authors would like to extend their heartfelt gratitude to the informants for their contribution.

Conflict of Interest

The author (s) have declared that no competing interests exist.

Author Contribution Statement

MMG: Conceptualization, data curation, methodology, validation, writing - original draft preparation.
SRK: Conceptualization, project administration, supervision, methodology, writing - review and editing.

Funding

This research received no external funding.

Ethics Statement

This research did not require IRB approval because it involved an anonymous survey with no collection of personal or sensitive data.

Data Access Statement:

Research data supporting this publication are available upon request to the corresponding author.

Author Biography

Miharaini Md Ghani is a Senior Lecturer at Universiti Sains Malaysia. Her research interests include digital communication, artificial intelligence, social media, media literacy, data analytics, and communication technology.

Siti Ramizah Khairunnisa Mohd Radzi is an Assistant Professor at International Islamic University Malaysia in communication studies. Her interests include digital media, social media engagement, strategic communication, emerging technologies, and contemporary communication issues.

References

- Andrew, F. T., Tahir, Z., Malek, J. A., & Yusof, A. R. M. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(9), 126-139.
- Antheunis, M. L., Schouten, A. P., & Walther, J. B. (2020). The hyperpersonal effect in online dating: Effects of text-based CMC vs. videoconferencing before meeting face-to-face. *Media Psychology*, 23(6), 820-839. <https://doi.org/10.1080/15213269.2019.1648217>
- Azzahra, F. A., Hidayatullah, K. I. I., Wildan, M., Firmansyah, K. M., Answend, M. F. R., Saerang, V. Y., Arifin, D. P., & Sholihatin, E. (2024). Analisis Love Language yang Digunakan Generasi Z dalam Membangun Hubungan Personal. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 10(12), 214-229. <https://doi.org/10.5281/zenodo.12522438>

- Boyd, D. (2014). *It's complicated: The social lives of networked teens*. Yale University Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chapman, G. (2009). *The five love languages singles Edition*. Moody Publishers.
- Faizal, N. A. M., Safarizal, N. E. A., & Rusli, N. F. M. (2022). Penggunaan Bahasa Rancu Dalam Medium Twitter Oleh Generasi Z (Mixed Language in Twitter Medium by Z Generation). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 19-28.
- Feng, Y. (2025). Domesticating paralinguistic digital affordances in adolescent romantic relationships and parent-adolescent relationships: A relational perspective. *Journal of Adolescent Research*, 40(6), 1380-1405. <https://doi.org/10.1177/07435584241232213>
- Fong, N. Y. L., & Sulaiman, W. I. W. (2011). Communication channel preferences by faculty members for faculty-student interaction. *Malaysian Journal of Communication*, 27(1), 133-145.
- Fox, J., & Andereg, C. (2014). Romantic relationship stages and social networking sites: Uncertainty reduction strategies and perceived relational norms on Facebook. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 17(11), 685-691. <https://doi.org/10.1080/08824096.2013.838145>
- Katz, E. (1974). Utilization of mass communication by the individual. *The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research*, 19-32.
- Li, C., Ning, G., Xia, Y., Guo, K., & Liu, Q. (2022). Does the internet bring people closer together or further apart? The impact of internet usage on interpersonal communications. *Behavioral sciences*, 12(11), 425. <https://doi.org/10.3390/bs12110425>
- Liu, R. (2023). WeChat online visual language among Chinese Gen Z: virtual gift, aesthetic identity, and affection language. *Frontiers in Communication*, 8, 1172115. <https://doi.org/10.3389/fcomm.2023.1172115>
- Mey, G. (2022). Qualitative methodology. In *International handbook of psychology learning and teaching* (pp. 453-478). Cham: Springer International Publishing.
- Parsakia, K., & Rostami, M. (2023). Digital Intimacy: How Technology Shapes Friendships and Romantic Relationships. *AI and Tech in Behavioral and Social Sciences*, 1(1), 27-34. <https://doi.org/10.61838/kman.aitech.1.1.5>
- Ramdani, D., Sholehah, N. F., & Nandang, A. (2025). Emoji Sebagai Strategi Komunikasi Sosial: Analisis Sociolinguistik terhadap Teks Digital. *DEIKTIS: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 5(3), 2660-2669.
- Short, J., Williams, E., & Christie, B., (1976). *The Social Psychology of Telecommunications*. Wiley.
- Simanjorang, A. D. M. B., & Aulia, S. (2026). Analisis Komunikasi Non-Verbal di Line (Studi Kasus Hubungan Jarak Jauh pada Mahasiswa Fikom Untar). *Koneksi*, 10(1), 125-133. <https://doi.org/10.24912/kn.v10i1.36477>
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research techniques*.

- Valentine, G. (2006). Globalizing intimacy: The role of information and communication technologies in maintaining and creating relationships. *Women's Studies Quarterly*, 34(1/2), 365-393.
- Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2011). Online communication among adolescents: An integrated model of its attraction, opportunities, and risks. *Journal of adolescent health*, 48(2), 121-127. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2010.08.020>
- Walther, J. B. (1996). Computer-mediated communication: Impersonal, interpersonal, and hyperpersonal interaction. *Communication research*, 23(1), 3-43. <https://doi.org/10.1177/009365096023001001>
- Zahra, R., & Rakhmad, W. N. (2022). Penerapan bahasa cinta dalam pemeliharaan hubungan romantis jarak jauh. *Interaksi Online*, 11(1), 574-588.